

22 DEC 1996

Mahathir-India

MALAYSIA MAHU LEBIH BANYAK HAK MENDARAT DAN PROJEK LEBUH RAYA

By: Zainoor Sulaiman

BANGALORE, 22 Dis (Bernama) -- Kerajaan sedang berunding untuk mendapat lebih banyak hak mendarat di India untuk Penerbangan Malaysia bagi menampung peningkatan penumpang antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Walaupun maklum balas daripada Kerajaan India menggalakkan, beberapa masalah perlu diatasi dengan syarikat penerbangan negara itu, Air India, kata beliau pada persidangan akhbar, di sini, semasa mengakhiri lawatan rasminya ke India.

Dr Mahathir berkata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang turut mengiringinya dalam lawatan itu telah berbincang dengan pihak berkuasa India berhubung beberapa pakej atau kod perkongsian syarat-syarat yang boleh diterima oleh kedua-dua syarikat penerbangan nasional itu.

Beliau berharap apabila rundingan itu selesai MAS boleh mengadakan penerbangan ke Bangalore, ibu negeri Karnataka, yang merupakan negeri kelapan terbesar di India dengan 50 juta orang penduduk.

Dengan memperkenalkan lebih banyak penerbangan, ia dapat meningkatkan kemasukan pelancong antara kedua-dua negara serta antara India dan rantau Asean, kata beliau.

Dr Mahathir berkata lawatannya ke India mencapai matlamat dan Kerajaan India memberi jaminan kedua-dua negara boleh bekerja dengan erat untuk mencapai kerjasama ekonomi dua hala.

Beliau berkata Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dan turut serta dalam penswastan pembinaan lebuhraya di India.

Beliau berkata perbincangan masih dijalankan bagi membolehkan syarikat dari Malaysia turut serta dalam cadangan jalan bertol di negara itu.

Disebabkan aliran kenderaan di jalan raya India adalah kurang, tempoh untuk kutipan tol oleh syarikat yang diberi konsesi itu perlu lebih lama bagi membolehkan mereka mendapat pulangan pelaburan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata semasa perbincangannya dengan pemimpin kerajaan India dan pemimpin-pemimpin perusahaan, beliau menawarkan kepada ahli perniagaan India pintu masuk Malaysia ke pasaran Asean

-- entiti perdagangan keempat terbesar selepas Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun dengan eksport bernilai hampir AS300 bilion.

Semasa di Bangalore, Perdana Menteri melawat Hindustani Aeronautical Ltd (HAL), Bharat Heavy Electrical Ltd (BHEL) dan Indian Space Research Organisation (ISRO).

HAL adalah industri kejuruteraan utama India dengan pengalaman selama 55 tahun dalam mencipta, membangun, mengeluarkan dan membaikpulih pelbagai pesawat awam dan tentera serta helikopter.

BHEL pula perusahaan terbesar India yang mengambil bahagian dalam projek penjanaan tenaga di Malaysia sejak 25 tahun lepas.

Penglibatan BHEL yang pertama di Malaysia ialah melalui pemesanan dua 60 MW dandang untuk Stesen Janakuasa Tuanku Ja'afar di Port Dickson daripada Lembaga Letrik Negara, (kini Tenaga Nasional Berhad) pada awal 70-an dan selepas itu terlibat dalam beberapa projek tenaga termasuk hidro elektrik di Perak dan Sabah.

Dalam lawatannya ke ISRO, Dr Mahathir berkata Malaysia berminat membina satelit mikro di sini.

Ketika menjawab soalan, beliau berkata pada masa ini Malaysia tidak bercadang melancarkan satelit dunia tanpa gerak memandangkan India kini hanya mampu melancarkan satelit orbit rendah.

Malaysia mungkin menimbangakan untuk melancarkan satelitnya di sini setelah India berkeupayaan melakukannya, kata beliau.

-- BERNAMA

Di SEBERANG JAYA, PULAU PINANG, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia akan terus menunggu dengan sabar (akan perkembangan terbaru) kerana memahami masalah itu bukan mudah untuk diselesaikan.

Katanya, walaupun Malaysia telah menyatakan kesediaannya untuk membantu Peru dalam apa juga bentuk bantuan yang difikirkan perlu, belum ada sebarang reaksi dari negara itu mengenai tawaran Malaysia itu.

Ditanya reaksi Fujimori terhadap surat Dr Mahathir yang meminta beliau memastikan krisis itu diselesaikan dengan baik, Abdullah berkata, Fujimori memberi pengakuan bahawa kerajaannya akan berusaha sedaya upaya untuk membebaskan kesemua tebusan dengan sebaik mungkin.

Ketika ditemui pada majlis perkahwinan seorang jurukamera TV3 di sini, hari ini, Abdullah berkata memang sukar bagi Peru untuk memenuhi kehendak pemberontak, yang antara lain, menuntut pembebasan rakan mereka yang dipenjara.

Katanya, walaupun Ecuador, jiran Peru, telah menyatakan kesediaannya untuk menerima pemberontak tersebut, beliau tidak pasti sama ada Peru akan memberi "jalan keluar" ke negara ketiga tanpa sebarang gangguan.

Abdullah juga berkata Ketua Canseri kedutaan di Peru, Nazaruddin Salleh memaklumkan kepada beliau pagi tadi bahawa doktor yang memeriksa Ahmad Mokhtar mengesahkan beliau sihat dan kelihatan "bersemangat tinggi".

-- BERNAMA

RA AHH